

Impak Ekonomi Perbelanjaan Pelajar Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang di Kawasan Permatang Pauh, Seberang Perai Pulau Pinang

Nur Hayati Abdul Rahman
Fairus Muhamad Darus
Ahmad Zia Ul-Saufi Mohamad Japeri
Melinda @ Siti Asmah Yunos
Roziyah Mohd Janor

ABSTRAK

Kewujudan Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang (UiTMPP) semenjak 2003 sehingga kini di Permatang Pauh telah membawa setiap tahun kemasukan pelajar yang bukan berasal daripada Pulau Pinang (*non-resident*) untuk menimba ilmu. Kehadiran pelajar yang pelbagai latar belakang dan asal usul dari seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak telah memberi impak ekonomi melalui perbelanjaan harian sepanjang tempoh pengajian mereka. Kajian mengukur impak ekonomi langsung hasil perbelanjaan pelajar terhadap ekonomi setempat telah dijalankan bagi tahun 2007. Objektif kajian ini adalah untuk mengukur secara kuantitatif kesan ekonomi setempat di Permatang Pauh akibat kehadiran pelajar luar Pulau Pinang (*non-resident*) ke UiTMPP. Kajian ini dilaksanakan dalam bentuk borang soal selidik yang melibatkan seramai 357 pelajar sebagai responden yang dipilih daripada 5397 orang penuntut di UiTMPP. Hasil kajian ini mendapati hampir 90% pelajar UiTMPP merupakan pelajar yang bukan berasal daripada Pulau Pinang. Setiap pelajar ini membawa secara puratanya RM 577.00 setiap bulan sebagai wang saku (pendapatan) dan secara puratanya juga mereka belanja RM 351.00 setiap bulan. Hasil perbelanjaan keseluruhan pelajar UiTMPP selama setahun di Permatang Pauh adalah melebihi sebanyak RM15 juta setahun. Rumusan kajian ini mendapati terdapat impak ekonomi langsung yang signifikan akibat daripada kehadiran dan perbelanjaan pelajar bukan berasal daripada negeri Pulau Pinang (*non-resident*) semasa mereka menuntut di UiTMPP.

Kata kunci: *Impak ekonomi, impak langsung, Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang*

Pengenalan

Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang (UiTMPP) mula beroperasi pada 16 Jun 1996 di kampus sementara di Permatang Pasir dan ianya merupakan salah sebuah daripada 13 kampus negeri (cawangan) UiTM. Pengambilan pertama pelajar di UiTMPP dilakukan pada Julai 1996 dengan pendaftaran seramai 230 orang pelajar. Tumpuan pengkhususan UiTMPP adalah kepada bidang Kejuruteraan seperti Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Awam dan Kejuruteraan Kimia di peringkat Diploma. Selain itu terdapat juga penawaran program dalam bidang Farmasi dan Pengurusan Hotel dan Pelancongan di UiTMPP. Pada Ogos 2003, UiTMPP berpindah ke kampus tetap di Jalan Permatang Pauh, Permatang Pauh di Daerah Seberang Perai Tengah. Pada tahun 2007 sahaja UiTMPP mempunyai pelajar seramai 5,397 orang pelajar yang menuntut sepenuh masa.

Sejarah 51 tahun kewujudan UiTM semenjak tahun 1956 di Jalan Othman, Petaling Jaya kemudian berkembang di Shah Alam sehingga ke setiap negeri termasuk kampus UiTMPP telah banyak menyumbang kepada sosio-ekonomi bumiputera khususnya dan negara amnya. Sumbangan tersebut tidak sahaja melibatkan modal insan bumiputera profesional tetapi juga bertindak sebagai pemangkin ekonomi setempat di mana UiTM kampus negeri diwujudkan.

Menyedari akan kepentingan dan sumbangan kewujudan UiTM kampus negeri sebagai pemangkin ekonomi setempat, maka satu kajian Impak Ekonomi telah dijalankan di kawasan Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah bagi menilai kesan ekonomi kepada kawasan setempat

hasil kewujudan UiTMPP di kawasan tersebut.

Kajian impak ekonomi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti UiTM telah banyak didokumentasikan di negara-negara Barat seperti kajian oleh Tori et al. (2006) menilai impak ekonomi Valdosta State University, Silva dan Santos (2004) di University of Algarve, Austrian dan Sadowski (2002) bagi Cleveland State University dan Chan (2000) mengukur untuk Simon Fraser University.

Kajian impak ekonomi ini telah menjadi satu amalan di negara Barat untuk mengukur dan menjustifikasikan peruntukan kewangan kerajaan dalam bidang pendidikan berdasarkan terma ekonomi bagi setiap tahun. Kaedah ini memberi petunjuk kesan ekonomi hasil daripada peningkatan perbelanjaan IPT seperti penawaran pekerjaan di kawasan setempat dan juga perkembangan asas ekonomi setempat.

Impak ekonomi ini boleh diukur berdasarkan perbelanjaan universiti, staf, pelajar dan pelawat ke kawasan setempat menggunakan kaedah input-output. Walau bagaimanapun kertas kerja ini hanya akan melihat impak ekonomi dari segi impak langsung perbelanjaan pelajar ke atas kawasan setempat. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sumbangan ekonomi iaitu impak langsung yang dijana dalam bentuk Ringgit Malaysia (RM) oleh pelajar UiTMPP bagi tahun 2007 di kawasan Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Definisi impak langsung di sini ialah perbezaan ekonomi dengan adanya pelajar UiTMPP di Permatang Pauh berbanding dengan ketiadaan mereka sekiranya UiTMPP tidak wujud di kawasan ini. Silva dan Santos (2001) berpendapat pengiraan impak ekonomi hanyalah mengambil kira perbelanjaan yang tidak akan terhasil tanpa kewujudan universiti terbabit. Dalam kajian ini, pengukuran dibuat dengan mengandaikan tiada kewujudan UiTMPP di sini dan seterusnya perbezaan ekonomi antara ketiadaan dan kewujudan UiTMPP diambil kira sebagai impak langsung.

Bagi mendapatkan impak langsung, maklumat pendapatan dan perbelanjaan pelajar dikumpulkan, hanya data pelajar yang berasal dari luar negeri Pulau Pinang (*non-resident*) sahaja diambil kira. Justeru, kajian ini hanya mengambil kira pendapatan dan perbelanjaan pelajar dari luar negeri Pulau Pinang (*non-resident*) dengan mengandaikan bahawa pelajar yang berasal dari negeri ini, akan tetap berbelanja di dalam negeri ini dan tidak akan membawa sebarang perubahan kepada pendapatan negeri Pulau Pinang.

Metodologi

Kajian impak ekonomi perbelanjaan pelajar UiTMPP menggunakan pendekatan jangka pendek dengan mengukur kesan aktiviti ekonomi setempat akibat daripada kewujudan UiTMPP di Pulau Pinang khususnya di kawasan Seberang Perai Tengah.

Bilangan pelajar UiTMPP yang berstatus aktif sehingga Julai 2007 adalah seramai 5397 orang. Daripada jumlah tersebut sampel seramai 357 orang telah dipilih untuk menentukan impak ekonomi hasil daripada perbelanjaan pelajar terhadap perkhidmatan universiti serta kawasan persekitaran.

Kajian ini melibatkan pengumpulan data daripada dua sumber iaitu data primer dan data sekunder. Data primer melibatkan pengumpulan data melalui kerja lapangan dengan pendedaran borang soal selidik yang dilakukan secara temu bual. Manakala data sekunder pula melibatkan pengumpulan maklumat latar belakang seperti peta, sejarah dan profil kawasan kajian termasuk maklumat latar belakang dan sejarah UiTMPP di Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah.


Kaedah pensampelan soal selidik melalui temu bual dalam kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak di dalam penentuan bilangan dan pemilihan responden mengikut kategori responden yang telah ditetapkan. Penentuan bilangan dibuat menggunakan jadual penentuan saiz sampel yang dibangunkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Manakala pemilihan responden dibuat secara rawak menggunakan Perisian "Research Randomizer" yang boleh diperolehi melalui Internet (www.organizer.org).

Analisa kajian ini dilakukan secara deskriptif turut mengkaji latar belakang seperti umur, tempat asal dan status tempat tinggal pelajar semasa belajar di UiTM Pulau Pinang. Selain dari itu, corak perbelanjaan pelajar turut dikaji. Kategori perbelanjaan pelajar ditentukan berpandukan Jadual Input-Output Malaysia 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005).

Hasil Kajian dan Perbincangan

Latar Belakang Pelajar


Daripada 357 orang responden yang terlibat dalam kajian ini 51% daripadanya adalah pelajar lelaki dan 49% adalah pelajar perempuan. Purata usia responden yang terlibat adalah dalam lingkungan usia 20 tahun (Rajah 1). Majoriti daripada mereka merupakan pelajar di peringkat pengajian Diploma.



Rajah 1 :Umur Responden Pelajar UiTMPP

Tempat Asal Pelajar

Kajian ini mendapati bilangan responden yang berasal dari luar negeri Pulau Pinang (*non-resident*) amat besar iaitu berjumlah hampir 90% (Rajah 2). Kedatangan mereka ke kawasan ini adalah kerana untuk belajar di UiTMPP dan sekiranya UiTMPP tidak wujud di kawasan ini pasti mereka akan belajar di UiTM kampus lain atau institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain. Dengan kewujudan UiTMPP, kedatangan pelajar dari negeri yang lain ke Pulau Pinang (*non-resident*) telah membawa masuk wang yang akan dibelanjakan di kawasan sekitar UiTMPP iaitu Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah.



Rajah 2 : Penempatan Asal Pelajar UiTMPP

Status Tempat Tinggal Pelajar

Kajian ini mendapati seramai 50.70% daripada responden menginap di kolej kediaman yang disediakan oleh pihak universiti sama ada di dalam (Kolej Zamrud dan Kolej Baiduri) atau di luar kawasan kampus (Kolej Mutiara), manakala 49.30% daripada responden mendapatkan penempatan sendiri di luar kawasan kampus. Situasi ini berlaku kerana pihak universiti hanya dapat menyediakan kemudahan penginapan bagi menampung seramai 3,020 pelajar sahaja (56%) meskipun bilangan pelajar sepenuh masa berjumlah 5,397 orang pada tahun 2007.

Pendapatan dan Perbelanjaan Pelajar

Dalam mengira purata pendapatan dan perbelanjaan bulanan pelajar jumlah bulan yang diambil kira dalam tempoh setahun hanyalah sembilan bulan kerana tiga bulan selebihnya adalah tempoh pelajar bercuti. Andaian dibuat dalam tempoh tiga bulan bercuti pelajar-pelajar pulang ke kampung halaman masing-masing dan tidak berada di kawasan Seberang Perai Tengah.

Pendapatan bulanan yang diperolehi oleh setiap pelajar hasil daripada kajian ini adalah sebanyak RM576.83 di mana sumber pendapatan ini terdiri daripada wang saku pemberian ibu bapa, pinjaman atau biasiswa pendidikan, dan lain-lain sumber. Kedatangan pelajar-pelajar ini telah membawa pendapatan sebanyak RM25.21 juta setahun ke negeri Pulau Pinang untuk dibelanjakan.


Secara puratanya, perbelanjaan pelajar dalam kawasan Seberang Perai Tengah ialah RM 350.53 sebulan dan akan menghasilkan pendapatan sebanyak RM15.3 juta setahun kepada kawasan setempat. Jadual 1 menunjukkan purata perbelanjaan bagi setiap pelajar mengikut jenis perbelanjaan yang dibelanjakan di Seberang Perai Tengah.

Rajah 3 menunjukkan corak perbelanjaan dalam bentuk peratusan mengikut jenis perbelanjaan. Empat belas (14) jenis perbelanjaan yang dibelanjakan oleh pelajar dipilih dan diubah suai berdasarkan Jadual Input-Output Malaysia 2000. Penggunaan Jadual Input-Output untuk mendapatkan jenis-jenis perbelanjaan untuk mendapatkan maklumat komprehensif ke atas semua aktiviti ekonomi setempat.

Daripada Rajah 3 didapati perbelanjaan yang berkaitan dengan keperluan asas seperti pembelian makanan (23.25%), barangan (18.77%), telefon (13.22%), dan penginapan (8.66%) merupakan antara peratusan tertinggi. Perbelanjaan bagi penginapan hanya merekodkan keempat tertinggi kerana hampir separuh iaitu 49.3% daripada responden menginap di asrama yang disediakan tanpa bayaran oleh pihak universiti. Perbelanjaan ke atas kesihatan pula adalah paling rendah (1.08%) kerana pelajar boleh mendapatkan rawatan kesihatan daripada Unit Kesihatan yang turut disediakan tanpa bayaran oleh pihak universiti.

Jadual 1: Purata Perbelanjaan Mengikut Jenis Perbelanjaan

Bil	Perkara	Purata Perbelanjaan Bulanan (setiap pelajar)	Anggaran jumlah wang yang dibelanjakan di UiTMPP (RM)/Sebulan)	Anggaran jumlah wang yang dibelanjakan di UiTMPP (RM)/Tahunan
a.	Penginapan – (Sewaan atau bayaran bulanan).	30.34	147,383.74	1,326,453.64
b.	Utiliti – (Elektrik, air, sampah, pemben-tungan dan lain-lain).	7.50	36,423.65	327,812.81
c.	Telefon dan Internet – (Panggilan telefon rumah atau telefon bimbit dan internet).	46.34	225,060.27	2,025,542.46
d.	Hotel, Pelancongan dan Restoran – (Penginapan hotel dan termasuk makan di restoran).	81.49	395,816.59	3,562,349.30
e.	Hiburan – (Majlis, konsert dan pawagam)	16.58	80,545.25	724,907.25
f.	Rekreasi – (Sukan seperti futsal, bowling dan lain-lain)	12.83	62,292.95	560,636.57
g.	Perkhidmatan – (Salun kecantikan dan rambut, pembersihan dan lain-lain)	5.29	25,672.71	231,054.43
h.	Pembelian barangan – (Membeli pakaian, dobi, barangan rumah / apartment / perabot, computer, baran-gan elektronik, barangan peribadi atau hadiah dan lain-lain).	65.79	319,542.42	2,875,881.74
i.	Pendidikan dan pembelajaran – (Tuisyen, kelas muzik, seni pertahanan diri).	24.51	119,021.56	1,071,194.00
j.	Kenderaan – (Bayaran kereta / motosikal, insurans, minyak, bayaran letak kereta, penyelenggaraan dan pembaikan).	20.86	101,322.42	911,901.75
k.	Kesihatan dan pergigian – (Wang yang dibelanjakan kerana tidak ditanggung insurans / UiTM).	3.80	18,464.31	166,178.79
l.	Pengangkutan Awam	17.53	85,150.15	766,351.34
m.	Aktiviti Perkhidmatan Komuniti, Sosial dan Persendirian Lain.	4.19	20,353.14	183,178.29
n.	Lain-lain Perbelanjaan – (Pembaikan rumah / perbelanjaan luar jangka, sumbangan derma dan lain-lain) Sila nyatakan:	13.48	65,495.68	589,461.13
	Jumlah Keseluruhan	350.53	1,702,544.83	15,322,903.50



Rajah 3 : Corak Perbelanjaan Pelajar UiTMPP

Kesimpulan dan Cadangan

Hasil kajian ini menunjukkan sekiranya UiTMPP tidak wujud, RM15.3 juta setahun akan hilang dari kawasan Seberang Perai Tengah. Perniagaan-perniagaan yang menawarkan barangan dan perkhidmatan di atas kepada para pelajar UiTMPP tidak akan wujud seandainya tiada UiTMPP di kawasan Permatang Pauh.

Kehadiran pelajar yang menuntut di UiTMPP telah menjana perkembangan ekonomi kepada peniaga dan penduduk kawasan Seberang Perai Tengah. Impak langsung pelajar hanyalah sebahagian daripada sumbangan ekonomi hasil dari kehadiran mereka di UiTMPP, Permatang Pauh. Kehadiran mereka sebenarnya turut membawa ibu bapa, adik beradik atau sanak saudara ke kawasan setempat. Kajian akan datang patut melihat sumbangan ekonomi para pelawat tersebut agar dapat dinilai kesan sebenar kedatangan pelajar ke kawasan ini.

Kajian lanjut juga harus dijalankan untuk mendapatkan impak ekonomi sekunder dan semarak yang disumbangkan oleh pelajar UiTMPP. Impak sekunder dan semarak boleh dikira dengan mengaplikasikan pekali impak kepada impak langsung. Konsep pekali ini adalah dari pemerhatian bahawa perbelanjaan akan menghasilkan rangkaian ekonomi yang lain seperti perbelanjaan seterusnya, pengeluaran, pendapatan dan pekerjaan baru.

Rujukan

- Austrian, Z., & Sadowski, R. (2002). *Cleveland State University: An economic impact study*. Retrieved December 15, 2007, from <http://urban.csuohio.edu/economicdevelopment/reports/economicimpact.pdf>
- Chan, L. (2000). *The economic impact of Simon Fraser University on the Greater Vancouver Regional District*. Retrieved December 15, 2007, from http://www.sfu.ca/irp/special_reports/documents/econ.impact.9899.pdf
- Tori, C., Steele, R., & Steele, L. (2006). *Valdosta State University economic impact study*. Retrieved December 15, 2007, from http://www.valdosta.edu/news/releases/economic_impact_011005/

Silva, J., & Santos, S. (2004). *Using input-output analysis to estimate the regional economic impact of universities: A case study*. Retrieved December 15, 2007, from <http://www.ecomod.org/files/papers/1342.pdf>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2005). *Jadual Input-output Malaysia 2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Krejcie, Robert, V., Morgan, & Daryle, W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

NUR HAYATI ABDUL RAHMAN, FAIRUS MUHAMAD DARUS, AHMAD ZIA UL-SAUFI MOHAMAD JAPERI, MELINDA @ SITI ASMAH YUNOS & ROZIAH MOHD JANOR, Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang.